



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP



BERITA

24 JAM

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- | | |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PPP) |
| ● YBhg. KSU | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 18 Disember 2025



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

KPDN

KPDN akui berlaku kenaikan sehingga 30 peratus

Tumpat: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) mengakui berlaku kenaikan harga ikan sehingga 30 peratus di pasaran berikutan permintaan tinggi ketika musim tengkujuh.

Timbalan Menteri, Datuk Dr Fuziah Salleh, berkata situasi itu bukan berlaku secara meluas sebaliknya membabitkan lokasi tertentu.

"Peningkatan harga ikan di kesan tidak melebihi 30 peratus dan kenaikan itu disebabkan permintaan tinggi pada musim tengkujuh.

"Namun, jika ada mana-mana pihak termasuk Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) mempunyai maklumat berlaku manipulasi bekalan oleh pemborong serta peniaga, kita sarankan mereka tampil membuat laporan untuk siasatan lanjut.

"Setakat ini kita belum menerima sebarang aduan sebaliknya ia dilaporkan oleh pihak me-

dia," katanya pada sidang media selepas mengadakan Walkabout Program Jualan Rahmah (PJR) Monsun, di sini, semalam.

Sementara itu, Persatuan Nelayan Terengganu memberi jaminan bekalan ikan di negeri ini mencukupi sepanjang tempoh Monsun Timur Laut (MTL) yang dijangka berakhir Mac tahun depan.

Pengerusinya, Mat Yassim Mohamed, berkata buat masa ini lebih 30 tan ikan disimpan di tiga stok penimbun di Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia Kuala Besut, Chendering dan Kuala Dungun.

Katanya, ikan sejuk beku sedia untuk dipasarkan bagi memenuhi permintaan pengguna selain menstabilkan harga pada musim MTL ini.

"Terdapat pelbagai jenis dan saiz ikan (sejuk beku) dijual dengan harga berpatutan untuk tidak membebankan pengguna," katanya ketika dihubungi.



Fuziah beramah mesra bersama pengunjung pada Walkabout Program Jualan Rahmah Monsun di Tumpat, semalam.
(Foto BERNAMA)

'Harga ikan naik 30% tidak meluas'

- Berpunca musim tengkujuh yang melanda ketika ini
- Hanya dikesan di beberapa lokasi tertentu

Oleh ROHANA MOHD. NAWI

TUMPAT – Permintaan tinggi terhadap bekalan ikan semasa musim tengkujuh menjadi antara faktor yang menyebabkan harga bahan mentah laut itu meningkat sehingga 30 peratus.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Dr. Fuziah Salleh berkata, pemantauan yang dijalankan pihaknya pada bulan ini mendapati berlaku kenaikan harga ikan di pasaran, namun peningkatan itu tidak berlaku secara meluas.

Menurutnya, buat masa ini, tidak semua peniaga dikesan menaikkan harga ikan sebaliknya ia melibatkan lokasi tertentu sahaja.

"Berdasarkan pemantauan



FUZIAH (dua dari kiri) menyampaikan Sumbangan Rahmah kepada penerima ketika Walkabout PJRM Monsun di Kampung Neting, Tumpat semalam. – KAMARUL BISMI KAMARUZAMAN

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), memang terdapat peningkatan harga ikan di pasaran, tetapi ia tidak meluas.

"Setakat ini, peningkatan har-

ga ikan tidak melebihi 30 peratus dan kenaikan itu disebabkan permintaan tinggi pada musim tengkujuh," katanya katanya pada sidang akhbar selepas Walkabout Program Jualan Rahmah Madani

(PJRM) Monsun di Kampung Neting, di sini semalam.

Mengulas lanjut, Fuziah memberitahu, pihak tertentu termasuk Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) yang mempunyai

maklumat mengenai manipulasi bekalan pemborong dan peniaga ikan disarankan untuk tampil membuat laporan kepada KPDN.

"Setakat ini, KPDN belum menerima sebarang aduan mengenai peningkatan harga ikan dan kita hanya terima melalui laporan pihak media," katanya.

Media sebelum ini melaporkan, kenaikan harga ikan di negara ini bukan berlaku disebabkan musim tengkujuh atau kekurangan hasil tangkapan nelayan semata-mata, tetapi turut berpunca daripada manipulasi pasaran oleh sebahagian pemborong.

Pengerusi LKIM, Muhammad Faiz Fadzil dilaporkan berkata, nelayan tetap ke laut mengikut keadaan cuaca, namun pemborong menyimpan bekalan yang banyak sebelum mengeluarkannya ketika stok kurang menjadi antara punca utama harga makanan mentah itu melambung.

Katanya, pemborong dikatakan membeli bekalan ikan sebelum musim tengkujuh dan mengeluarkannya ketika bekalan pasaran kurang untuk mengambil kesempatan bagi menaikkan harga.

Harga ikan alami kenaikan

Tumpat: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) mengakui berlaku kenaikan harga ikan sehingga 30 peratus di pasaran.

Timbalan Menteri Datuk Dr Fuziah Salleh berkata, ia berikutan permintaan tinggi sempena musim tengkujuh terhadap bekalan terbabit pada bulan ini.

“Hasil pemantauan kita memang terdapat peningkatan harga ikan di pasaran namun bukan berlaku secara meluas sebaliknya membabitkan lokasi tertentu.

“Peningkatan harga ikan dikesan tidak melebihi 30 peratus dan kenaikan itu

disebabkan permintaan tinggi pada musim tengkujuh.

“Namun jika ada mana-mana pihak termasuk Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) mempunyai maklumat berlaku manipulasi bekalan oleh pemborong serta peniaga, kita sarankan minta mereka tampil membuat laporan untuk membolehkan siasatan lanjut.

“Setakat ini kita belum menerima sebarang aduan sebaliknya ia dilaporkan oleh pihak media,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas mengadakan Walkabout Program Jualan Rahmah (PJR) Monsun, di sini, se-

malam.

Media sebelum ini melaporkan, kenaikan harga ikan di negara ini, bukan berlaku disebabkan musim tengkujuh atau kekurangan hasil tangkapan nelayan semata-mata, tetapi turut berpunca daripada manipulasi pasaran oleh sebahagian pemborong.

Pengerusi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Muhammad Faiz Fadzil dilaporkan berkata, nelayan tetap turun ke laut mengikut keadaan cuaca namun pemborong bertindak menyimpan bekalan yang banyak sebelum mengeluarkannya ketika stok kurang, menjadi antara punca utama harga melambung.



KPDN peruntuk RM300,000 bagi melaksanakan Program Jualan Rahmah Madani dalam membantu meringankan rakyat yang terjejas banjir di Kelantan. – GAMBAR HIASAN

Jualan Rahmah Madani ringan beban mangsa bah Kelantan

TUMPAT – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) memperuntukkan dana sebanyak RM300,000 dalam melaksanakan Program Jualan Rahmah Madani (PJRM) bagi membantu meringankan rakyat yang terjejas banjir di Kelantan.

Timbalan Menteri, Datuk Dr. Fuziah Salleh berkata, pelaksanaan PJRM merupakan langkah proaktif kerajaan untuk memastikan penduduk terjejas banjir terus mempunyai akses kepada barangan keperluan asas pada harga berpatutan.

Menurutnya, PJRM menawarkan barangan keperluan asas

pada harga mampu milik yang melibatkan penjimatan sehingga 30 peratus berbanding dengan harga pasaran.

"KPDN Kelantan juga mempertingkatkan pemantauan bekalan dan harga barangan keperluan di kawasan terjejas banjir khususnya di lokasi yang berisiko terputus hubungan akibat limpahan air bagi memastikan bekalan kekal mencukupi dan mudah diperoleh penduduk.

"Kita juga menjalinkan kerjasama strategik dengan pelbagai pihak bagi menggerakkan inisiatif Jualan Rahmah di beberapa lokasi berhampiran pusat pemindahan sementara (PPS) tertakluk

kepada keperluan semasa dan keadaan banjir," katanya pada sidang akhbar sempena Walkabout PJRM Monsun di Kampung Neting, di sini semalam.

Mengulas lanjut, Fuziah memberitahu, KPDN turut mengadakan PJRM Kembali ke Sekolah di 43 premis bermula 18 Disember hingga 10 Januari dan juga secara bergerak.

Katanya, KPDN akan terus memantau perkembangan semasa bagi memastikan kebajikan rakyat melalui penyediaan bekalan barangan keperluan asas mencukupi, mudah akses dan berpatutan sepanjang tempoh bencana.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

UMUM



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Petrol seized, foreign man arrested in Semporna raid

Azmie Lim

SEMPORNA: A foreigner was detained and 80 gallons of petrol were seized in an operation at Kampung Batu, here.

The arrest and seizure were made during a raid on an unnumbered premises by Kunak 22nd Battalion General Operation Force (GOF) with cooperation from the Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN).

Kunak GOF, in a statement, said the operation was carried out under Op Taring Bravo 1 at 5.45pm.

An inspection on a wooden boat found 80 gallons containing petrol, suspected to be smuggled out to the neighbouring country.

The team arrested a foreign man to assist in investigation and seized a wooden boat, two engines and some equipment.

All the seizures were worth an estimated RM67,000 and the suspect was



The seizure and suspect detained by Kunak GOF.

handed over to the Semporna KPDN for further action under Section 20(1) of the Control of Supply Act 1961.

PGA lakar 15 kejayaan baharu Ops Taring

Operasi 26 November hingga 16 Disember lalu rekod nilai rampasan cecah RM9.9 juta

Oleh Jeremy Lanson

KUCHING: Pasukan Gerakan Am (PGA) Briged Sarawak mencatatkan 15 kejayaan operasi dalam tempoh 26 November hingga 16 Disember lalu menerusi Ops Taring Alpha, Ops Taring Bravo dan Ops Taring Batas/Awas dengan nilai rampasan keseluruhan mencecah RM9.9 juta.

Komander PGA Briged Sarawak SAC Lim Bak Phai berkata, kejayaan tersebut melibatkan pelbagai kes penyeludupan termasuk rokok, minuman keras, barang kawalan bersubsidi, produk sejuk beku serta mercun di seluruh Sarawak.

“Operasi yang dijalankan secara bersepadu ini melibatkan pemeriksaan ke atas premis, kenderaan dan kawasan sempadan yang sekali gus membawa kepada tang-



LIM

kapan puluhan individu serta rampasan barangan dalam jumlah yang besar,” katanya dalam satu kenyataan media, semalam.

Antara kejayaan terbesar dicatatkan ialah operasi di sekitar Miri yang membawa kepada rampasan lebih 4,900 karton rokok dan 12,500 liter minuman keras bernilai lebih

“Operasi yang dijalankan secara bersepadu ini melibatkan pemeriksaan ke atas premis, kenderaan dan kawasan sempadan yang sekali gus membawa kepada tangkapan puluhan individu serta rampasan barangan dalam jumlah yang besar.”

SAC Lim Bak Phai
Komander PGA Briged Sarawak

RM2.5 juta serta penahanan enam individu tempatan.

Selain itu, PGA berjaya menggagalkan cubaan penyeludupan barang kawalan seperti bawang merah, gula, minyak masak dan diesel bersubsidi di beberapa daerah termasuk Lundu, Siburan, Lubok Antu dan Bau, melibatkan rampasan ratusan ribu ringgit.

Operasi di kawasan sempadan Sri Aman pula menemui bungkusan minuman keras yang dipercayai cuba diseludup masuk.

Manakala, beberapa serbuan lain melibatkan penemuan produk sejuk beku tanpa permit serta mercun yang disimpan secara haram.

Menurut Lim, kesemua

tangkapan dan rampasan telah diserahkan kepada agensi berkaitan termasuk Ibu Pejabat Polis Daerah, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan Jabatan Imigresen untuk siasatan lanjut mengikut peruntukan undang-undang.

Beliau turut memaklumkan sepanjang tempoh 1 Januari hingga 16 Disember 2025, PGA Briged Sarawak telah merekodkan rampasan keseluruhan bernilai RM404.9 juta melibatkan 623 kes, dengan 741 individu ditahan serta 362 kenderaan pelbagai jenis dirampas.

“PGA Sarawak akan terus memperhebatkan operasi bagi membanteras aktiviti penyeludupan dan jenayah rentas sempadan demi keselamatan serta kepentingan negara,” katanya.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE

KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BERITA ONLINE BERTARIKH 18 DISEMBER 2025

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
18-Dec	Jualan Rahmah Madani ringankan beban mangsa banjir	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/12/jualan-rahmah-madani-ringankan-beban-mangsa-banjir/#google_vignette	UTUSAN
18-Dec	Jualan Rahmah Madani ringankan beban mangsa banjir di Kelantan	https://www.kosmo.com.my/2025/12/17/jualan-rahmah-madani-ringankan-beban-	KOSMO
18-Dec	Lebih 23,000 PJRM diadakan sehingga November lalu	https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2025/12/1300979/lebih-23000-pjrm-diadakan-sehingga-november-lalu	HARIAN METRO
18-Dec	KPDN sahkan harga ikan naik hingga 30 peratus di pasaran	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/12/1486140/kpdn-sahkan-harga-ikan-naik-hingga-30-peratus-di-	BERITA HARIAN
18-Dec	Harga ikan naik hingga 30 peratus di lokasi tertentu - KPDN	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/harga-ikan-naik-hingga-30-peratus-di-lokasi-tertentu-kpdn	RTM
18-Dec	Localised fish price hikes amid monsoon pressures - KPDN	https://www.thevibes.com/articles/news/117069/localised-fish-price-hikes-amid-monsoon-pressures-	THE VIBES
18-Dec	Madani Rahmah sales benefit over two million in Perak	https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/12/17/madani-rahmah-sales-benefit-over-two-million-in-perak	THE STAR
18-Dec	Stigma rahmah ditepis, PJRM kembali ke sekolah 2026 terbuka untuk semua-KPDN	https://www.astroawani.com/video/video-terkini-x7sio1/stigma-rahmah-ditepis-pjrm-kembali-ke-sekolah-2026-terbuka-untuk-semuakpdn-x9vx3uq	ASTRO AWANI

18-Dec	Lebih 23,000 PJRM diadakan sehingga November lalu	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/12/1300979/lebih-23000-pjrm-diadakan-sehingga-november-lalu	HARIAN METRO
18-Dec	Harga ikan naik hingga 30 peratus akibat permintaan tinggi musim tengkujuh	https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2025/12/1300963/harga-ikan-naik-hingga-30-peratus-akibat-permintaan-tinggi-musim-tengkujuh	HARIAN METRO
18-Dec	KPDN sahkan harga ikan naik hingga 30 peratus di pasaran	https://malaysia.shafagha.com/MY/AL/4187103	MALAYSIA SHAFAGHA
18-Dec	Localised fish price hikes amid monsoon pressures - KPDN	https://www.thevibes.com/articles/news/117069/localised-fish-price-hikes-amid-monsoon-pressures-kpdn	THE VIBES
18-Dec	KPDN Sabah Jalankan 136,600 Pemeriksaan Premis, Rampasan Lebih RM30 Juta Pada 2025	https://sabahnews.com.my/kpdn-sabah-jalankan-136600-pemeriksaan-premis-rampasan-lebih-rm30-juta-pada-2025/	SABAH NEWS
18-Dec	RM30.3 million Ministry of Domestic Trade and Cost of Living Sabah seizures in 11 months	https://www.dailyexpress.com.my/news/272654/rm30-3-million-ministry-of-domestic-trade-and-cost-of-living-sabah-seizures-in-11-months/	DAILY EXPRESS